



MURNI OMAR

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan graduan dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) bagi Diploma Seni Tari pada tahun 2005 dan Ijazah Sarjana Muda Tari dengan Kepujian pada tahun 2008. Kemudiannya, ASWARA telah memberi biasiswa penuh kepada beliau bagi melanjutkan pengajiannya di peringkat *Master in Contemporary Dance Performance* di *University of Limerick*, Ireland.

Hasil pembelajaran dan ilmu yang diperoleh selama 6 tahun di Fakulti Tari ASWARA, beliau berpengalaman di dalam teknik tarian rakyat dan klasik Melayu, Tarian Klasik India Bharatanatyam, tari rakyat Cina serta tarian etnik Sabah dan Sarawak. Selain itu, beliau juga berpengalaman di dalam teknik balet dan moden termasuklah teknik *Martha Graham*, *Lester Horton*, dan *Merce Cunningham*.

Beliau pernah bekerja sebagai Penari Profesional di *ASWARA Dance Company* selama 2 tahun di mana semua ahlinya terdiri daripada para graduan terbaik Fakulti Tari ASWARA.

Beliau juga pernah bekerja dengan koreografer – koreografer tempatan seperti Zhou Gui Xin, Steve Goh, Wong Kit Yaw, Joseph Gonzales, Shuhaimi Magi, Suhaili Michelline, dan beberapa koreografer dari luar negara seperti Wendy Rogers dari United States, Emily Johnson dari United States, Helene Cathala dari Perancis, John

Scott dari Ireland, Michael Keegan Dolland dari Ireland, dan Katja Grassli dari Netherlands.

Beliau turut aktif dalam persembahan produksi muzikal seperti Kesuma pada tahun 2006, Urmu pada tahun 2007, dan Ibu Zain pada tahun 2009. Selain menari, beliau juga pernah berlakon dengan memegang watak puteri di dalam teater tradisional Mek Mulung bertajuk Dewa Kaca pada tahun 2009, dan watak seorang anak yang dikorbankan di dalam teater tradisional Randai bertajuk Lareh Si Mawang Jo Diri Siti Jamilah pada tahun 2009.

Selain persembahan di Malaysia, beliau juga banyak terlibat dengan persembahan di luar negara seperti *Legend: The Journey Begins* iaitu kolaborasi bersama kumpulan Maya Dance Theatre pada tahun 2009 di Singapura, *Malaysian Week in London* bersama ASWARA dan Istana Budaya pada tahun 2007 di England, *Dance Teens Festival* pada tahun 2010 di Hong Kong, Festival Zapin Nusantara pada tahun 2011 di Indonesia, *Dance Exchange* pada tahun 2012 di Filipina, *Marketplace of Creative Arts* pada tahun 2012 di Singapura, Konsert Ekspresi Karya Gemilang kolaborasi antara selebriti Malaysia dan Indonesia pada tahun 2012 di Indonesia, dan *The 20th Anniversary of The Irish World Academy of Music and Dance* pada tahun 2014 di Ireland.

Beliau terpilih sebagai tenaga pengajar di bawah *Battery Dance Company* dari United States di bawah program *Dancing to Connect* di Rimbun Dahan, Selangor pada tahun 2012. Pada tahun 2014, beliau telah terpilih bagi program *Step Up* di Ireland bersama *Fabulous Beast Dance Theatre* antara karya beliau adalah *M2M*, *Salam*, *Obligation*, dan *Semangat*.

Beliau juga pernah mengikuti program *Connectivity Through Dance* anjuran *World Dance Alliance* di Singapura sebagai pembentang *Pecha Kucha*, peserta festival dan juga *performer*.

PENCAPAIAN

Pada tahun 2016, beliau telah menyertai *Dance Routes – Dance Roots: Connecting The Local To Global* anjuran *World Dance Alliance* di Korea Selatan sebagai Koreografer (karya SALAM), penari, dan peserta festival. Pada tahun yang sama juga, beliau telah terpilih sebagai salah seorang yang memenangi anugerah *Krishen Jit Astro Fund* dan membuat persembahan berdurasi panjang berjudul *Langkau* iaitu kolaborasi tari dan teater.

Pada bulan September 2018, *The International Journal of Arts, Culture, and Heritage* (IJACH) akan menerbitkan hasil penulisan beliau yang bertajuk *Investigation Space of the Body Through Shaking Movement*.